Berita Minggu, Ahad, 10 Oktober, 1982 (22 Zulhijjah, 1402)

Tidak siapa yang akan 'merompak' hak mutlak Cina

TAN SRI DATUK ABDUL SAMAD IDRIS menulis...

Pemimpin berusaha memupuk perpaduan. Mengapa kita suka menarik aur songsang?

■ DATUK LEE KIM SAI

DUA perkara menarik minggu sudah masih menjadi perbualan umum hingga sekarang. Perkara pertama, ialah ucapan Datuk Musa Hitam Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan Perhimpuan Agung MCA yang ke-30. Perkara kedua, berhubung dengan ucapan Datuk Lee Kim Sai, Ketua Pemuda MCA yang berucap sehari sebelum itu di Perhimpuan Agung Pemuda MCA.

Datuk Musa dalam ucapannya menyebut, 16,864 orang telah dilucutkan kerakyatannya setelah mereka sesuka hati memilih warganegara asing. Tindakan tegas Kerajaan, bukanlah atas dasar 'li-mau masam sebelah', tetapi bagi mengelakkan berlaku, adanya musuh dalam selimut dan menggunting dalam lipatan nanti.

Sebanarnya, ketika saya berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri beberapa tahun dulu, perkara melucutkan kerakyatan orang yang memilih kerakyatan negara asing ini memang telah saya maklumi. Maka pendedahan Datuk Musa sehari selepas ucapan Datuk Lee itu mungkin mempunyai kaitan yang amat rapat.

Datuk Lee dilaporkan berucap dalam Perhimpunan Pemuda MCA bahawa pihaknya akan bertindak positif bagi mempastikan tidak siapa yang akan 'merompak' hak mutlak masyarakat Cina. Apakah tindakan positif itu tidak pula berapa jelas.

Sebaliknya, Datuk Musa secara jelas menerangkan angka sebenar jumlah mereka yang telah dilucutkan kerakyatannya. Meskipun angka 16,846 itu agak banyak bunyinya, tetapi tidaklah bermakna merugikan negara pada umumnya.

Penghijrahan mereka ini amat jelas memperlihatkan sikap 'pepat di luar rencong di dalam', kerana golongan seperti ini pasti tidak mempunyai sikap taat setia kepada negara ini. Kita dapat menilai hati-budinya sebagai 'daun lalang, di mana angin bertiup ke situlah ia condong'.

Orang-orang demikian bukan saja tidak dingini, malah penghijrahan mereka itu sangat dialu-alukan. Kalau mereka terus juga tinggal di negara ini, mungkin menjadi 'duri dalam daging' mengkhianati negara ini; kerana kita boleh menduga apa akan mereka lakukan apabila taat setia seseorang itu diuji.

Bagaimanapun, Datuk Musa amat dukacita terhadap sikap mereka ini apabila berada di negara barunya. Saya percaya, seluruh rakyat yang taat setia di negara ini juga turut dukacita dengan sikap 'lepas jembatan tongkat dibuang' kalangan yang lari meninggalkan negara ini.

Mereka membuat fitnah dan pesona di negara baru yang dipilihnya terhadap Kerajaan Malaysia. Mereka menuduh, Kerajaan Malaysia melakukan diskriminasi terhadap rakyat negara ini. Mungkin banyak lagi cemuhan atau tuduhan dilimparkan terhadap Kerajaan yang tidak sampai ke telinga kita.

Apakah rakyat Malaysia pada umumnya dapat menerima tuduhan orang-orang yang berhijrah ini sebagai telah didiskriminasikan? Apakah seseorang yang miskin menderita atau papa kedana dapat berhijrah ke negara lain? Apakah dengan wang puluhan ribu ringgit saja sanggup memulakan satu penghidupan baru dengan jumayan di negara asing?

Yang pasti, hanya orang-orang jutawan saja boleh berhijrah dengan memindahkan hartanya ke negara yang baru. Mereka ini adalah terdiri dari golongan 'habis manis hampas dibuang'. Setelah mereka menikmati segala kemewahan di negara ini, mereka membawa segala kemewahan itu ke negara lain. Kemudian secara lantang memburuk-burukkan pula negara ini.

Amat jelas dalam perlembangaan negara kita bahawa setiap rakyat dilindungi hak asasinya. Mereka boleh melakukan apa saja asalkan tidak bertentangan dengan perlembagaan serta undang-undang negara yang sama-sama kita junjung tinggi.

Adalah tidak wajar, mereka yang lari meninggalkan negara ini menuduh bahawa mereka telah dihalau atau dibuang negeri. Mereka pergi dengan sukarela dan sukahati dengan menggunakan hak asasi sambil terus juga mengaku rakyat Malaysia.

Bagaimanapun seperti ditegaskan oleh Datuk Musa, mereka bolehlah mengukur sejauh mana perbandingan masalah 'diskriminasi' yang mereka pertikaikan apabila berada di negara angkatnya.

Dalam tahun 1950, kita semua tahu, bagaimana meletusnya rusuhan di Miami, Amerika Syarikat berikutan dengan bebasnya seorang polis kulit putih setelah dihadapkan ke mahkamah apabila membunuh seorang pemuda kulit hitam.

Masalah perbezaan kulit masih belum selesai di Amerika Syarikat yang dianggap 'penghulu demokrasi' itu. Malah pelajar-pelajar Asia sendiri merasakan bagaimana pandangan masyarakat di Barat terhadap mereka ketika tinggal di negara-negara berkenaan. Anak-anak asia disifatkan macam 'melukut di tepi gantang, keluar tak luak, masuk tak penuh' saja kepada mereka.

Kita juga tentu masih ingat, bagaimana seorang ahli politik negara ini yang berketurunan India pernah balik ke negara nenek moyangnya kerana menganggap demokrasi di negeri ini sudah mati. Akhirnya terpaksa juga 'sudah diludah dijilat balik' dan beliau balik semula ke negeri ini menikmati demokrasi yang kononnya sudah mati itu.

Apa yang berlaku ke atas diri ahli politik itu, semua orang maklumi. Beliau tidak dibenarkan bercakap tentang politik di negara nenek moyangnya dan dihalau dari negara tersebut sebagai 'persona-non-grata'. Dari peristiwa itu, tentulah dia tahu betapa tingginya langit, betapa dalamnya lautan!

Manakala perkara kedua pula ialah persoalan yang berbangkit dari ucapan Datuk Lee Kim Sai. Saya kira tentu ramai orang kurang senang dengan perkataan 'merompak' yang beliau gunakan. Saya tidak tahu sama ada Datuk Lee berucap dalam bahasa Inggeris atau bahasa Cina ketika menyebut perkataan 'merompak' itu.

Bagaimanapun, apa saja bahasa yang beliau gunakan, sama ada istilah 'merompak' itu tepat atau tidak, namun makna yang tersirat dan tersurat tetap mirip ke arah perkataan tersebut. Tidaklah terlalu susah sangat kepada kita hendak menafsirkan kepada siapakah perkataan tersebut ditujukan.

Sepanjang ingatan saya belum ada lagi orang orang yang merompak hak mutlak orang-orang Cina di negeri ini. Jadi perkataan yang digunakan itu bolehlah dianggap satu perbuatan mencabar atau menunjukkan kejantanan kepada orang lain, laksana 'mengejutkan harimau tidur dan menghambat anak badak'.

Menurut adat resam bangsa Melayu, apabila seseorang melintas sambil memukul pagar rumah atau memukul daun pisang dengan tongkat sehingga mengeluarkan bunyi berdepap, adalah dianggap mencabar kejantanan tuan rumah berkenaan. Perbuatan demikian adalah dianggap biadap atau kurang ajar.

Datuk Lee yang menggunakan perkataan 'merompak' ini dapatlah ditafsirkan 'mulut bacar emas banyak hati berani senjata tajam'. Siapakah yang dirompak dan siapa pula merompak?

Kita faham, darah muda beliau masih seperti 'si buyung julung berkeris'. Tetapi sebagai pemimpin adalah tidak wajar beliau mencucuhkan 'api ke dalam sekam'.

Masalah perpaduan nasional adalah penting dititikberatkan. Pemimpin-pemimpin kita sedang berusaha memupuk perpaduan erat di kalangan rakyat dengan bersungguh-sungguh. Apakah kita sengaja mahu 'menarik aur songsang' dalam masalah perpaduan nasional?

Kata-kata yang tidak wajar apabila diucapkan boleh ditafsirkan berbagai-bagai pengertian kurang baik kepada anggapan umum. Mereka yang mencari kesempatan senantiasa menunggu peluang untuk memutar-belitkan suasana akibat dari kata-kata yang tidak wajar tadi.

Memang dalam beberapa hal, kita harus berterus terang untuk kebaikan. Kita harus memberikan kritik yang sihat sekiranya terdapat tindakan sesuatu golongan boleh merugikan pihak yang lain. Tetapi ada cara yang lebih manis bagi menyelesaikan masalah, kalau kita sama mengakui bagai 'telur sesangkar, pecah sebiji pecah semua'.

Menggunakan perkataan 'merompak' pasti menghiris dan menyinggung perasaan orang lain. Selama ini kita tidak terfikir pun bagaimana kejadian rompak merompak ini berlaku. Orang-orang yang sihat fikirannya tidak akan membuat perhitungan demikian dalam melayari bahtera kehidupannya.

Kalau meraka lakukan juga maka bolehlah disamakan dengan orang-orang yang melanggar undang-undang, sebagaimana pernah kita ketahui merompak di sana sini seperti 'merompak' bank, kedai emas, merompak wang gaji dan sebagainya.

Saya juga mempunyai sikap berterus terang dalam memberikan pendapat serta kritikan kepada sesuatu yang saya anggap boleh mendatangkan kebaikan. Bukan saja untuk kepentingan jangka waktu yang singkat, tetapi juga kepentingan jangka panjang. Dalam hubungan ini tidak pernah pula saya bersikap 'seperti orang menjeramak, terpeluk ikan manis muka, terpeluk bangkar muka masam'.

Cuba kita hayati ucapan Allahyarham Tun Abdul Razak ketika menubentuk Jawatankuasa Perhubungan Kaum sesudah peristiwa 13 Mei dulu.

Beliau secara tegas berkata bahawa kita tidak mahu lagi mengamalkan sikap menyapu sampah ke bawah permaidani.

Apa yang dikhuatiri dari ucapan Ketua Pemuda MCA ini akan menimbulkan reaksi pula dari pihak lain, khususnya Pemuda UMNO. Letusan suara Abu Bakar Dewa dari Pemuda UMNO Batu Pahat apabila mengulas ucapan Datuk Lee itu sudah cukup menggambarkan betapa tidak baiknya 'mengajar buaya berenang, mengajar harimau makan daging'.

Sudah menjadi kebiasaan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh sesuatu pihak, maka pasti timbullah tindak balas dari pihak lain pula. Jika ini terus menerus berlaku, bukan saja merugikan kedua-dua pihak, tetapi juga negara pada keseluruhannya.

Orang tua-tua kita pernah mengingatkan 'harimau tengkuk di mulut'. Ertinya dari perkataan yang kita tuturkan itu boleh membawa padah buruk yang besar pula, kerana 'sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa'.

Apa yang perlu dilakukan oleh Pergerakan Pemuda MCA mahupun Pemuda UMNO sebagai sayap kedua parti yang mengendalikan Kerajaan ialah mencari jalan duduk semeja. Sama-sama mencari persefahaman dan bertukar pendapat dengan tidak menyinggung perasaan orang lain supaya 'bulat dapat sama digolekkan, pepeh dapat sama dilayangkan'. ■

■ Datuk Musa berucap di pembukaan Perhimpunan Agung MCA baru-baru ini.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia